

# LPPKN anjur ceramah kesihatan kepada kakitangan UMSKAL

NST 30.3.13 8

LABUAN :Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Wilayah Persekutuan Labuan menganjurkan ceramah kesihatan kepada kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 11,Bangunan Menara universiti itu baru-baru ini.

Ceramah telah disampaikan oleh Ketua Jururawat,

Klinik Nur Sejahtera, LPPKN Labuan, Rohana Jahidi.

Turut diadakan pemeriksaan kesihatan yang merangkumi pemeriksaan tekanan darah, glukos, kolesterol, BMI dan kaunseling kesihatan.

Program anjuran Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS (Kesumba) Kampus Antarabangsa Labuan itu bertujuan untuk member pendedahan kepada kakitan-

gan mengenai kesihatan kanser payudara dan pangkal rahim.

Penolong Setiausaha Kesumba, Khatijah Ayub berharap ceramah kesihatan itu dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kepada kakitangan supaya sentiasa menjaga kesihatan sekalipun dalam kesibukan bertugas. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN jainudin@newsabah-times.com.my**



PENGHARGAAN .... Khatijah (4 kiri) menyampaikan cendera mata kepada Rohana

sempena program tersebut